



PRESS RELEASE

HARI TERBUKA AMBD

Design & Technology Building, Anggerek Desa

Jumaat, 28th Safar 1439 bersamaan dengan 17th November 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan acara Hari Terbuka AMBD di Design and Technology Building, Anggerek Desa, pada hari ini, 28 Safar 1439H bersamaan dengan 17 November 2017M.
2. Objektif Hari Terbuka AMBD ini adalah untuk berkongsi dan memberigakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan AMBD. Acara ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan AMBD dalam menyediakan platform bagi dialog di antara AMBD dan orang ramai mengenai tugas dan tanggungjawab AMBD.
3. Empat buah taklimat telah diberikan oleh pegawai-pegawai AMBD pada hari pertama Hari Terbuka AMBD ini. Taklimat pertama bertajuk “Apa Yang Perlu Awda Ketahui Mengenai Dengan Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang (TDSR)”, yang menjelaskan mengenai dengan objektif TDSR serta beberapa pindaan yang telah dilaksanakan sejak pengenalannya pada tahun 2015.
4. Taklimat kedua, “Bagaimana Hendak Menyertai *FinTech Regulatory Sandbox*”, menjelaskan mengenai dengan *FinTech Sandbox* AMBD, dan proses permohonannya.
5. Di sebelah petang, satu taklimat bertajuk “Menjana Modal Melalui Cagaran” telah diadakan. Dengan penambahbaikan perkhidmatan Biro Kredit AMBD dan pelaksanaan Sistem Pendaftaran Cagaran, Negara Brunei Darussalam telah naik ke tempat kedua dalam Laporan Bank Dunia ‘Doing Business 2018’ dalam penilaian ‘Mendapatkan Kredit’. Taklimat ini menjelaskan bagaimana perkhidmatan-perkhidmatan dan penambahbaikan ini boleh membantu peniaga-peniaga mendapatkan pembiayaan alternatif bagi perniagaan masing-masing.
6. Taklimat terakhir bertajuk “Pendanaan Ramai dan Peraturan-Peraturannya”, di mana pihak AMBD telah berkongsi mengenai dengan jenis-jenis Pendanaan Ramai atau *Crowdfunding* yang terdapat pada masa ini, dan menerangkan keperluan bagi mana-mana pemohon yang ingin mengendalikan platform Pendanaan Ekuiti Ramai atau *Equity Crowdfunding* (ECF). Ini adalah selaras dengan Notis AMBD mengenai dengan Pengendali Platform ECF yang telah dikeluarkan baru-baru ini. Inisiatif ini diharap akan dapat menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada perniagaan *start-up* dan kecil untuk menjana modal.

7. Selain daripada taklimat-taklimat tersebut, pegawai-pegawai AMBD juga hadir bagi sesi soaljawab, Biro Kredit memberikan laporan kredit percuma, dan Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam telah mengenalkan kursus-kursus mereka.
8. Hari Terbuka AMBD ini akan diteruskan pada hari Sabtu, 18 November 2017 dengan beberapa taklimat lain, termasuk Jadilah Pintar Kewangan, Mata Wang Negara Brunei Darussalam, dan Apa yang Awda Perlu Ketahui Mengenai Dengan Insurans dan Takaful.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 28 Safar 1439/17 November 2017

Ref: AMBD/COMMS/3